

PROSIDING **SEMINAR** **KEBANGSAAN** **SAINS, TEKNOLOGI & SAINS SOSIAL**

27 ~ 28 MEI 2002

HOTEL VISTANA, KUANTAN, PAHANG

Anjuran :



Universiti Teknologi MARA
Cawangan Pahang

Dengan Kerjasama



Kerajaan
Negeri Pahang Darul Makmur

JILID 1



UNDANG-UNDANG JENAYAH DAN KAWALAN PENCEMARAN ALAM SEKITAR DI MALAYSIA

R. MUHAMMAD RIZAL

Program Pengurusan Persekitaran, Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

ABSTRAK

Undang-undang jenayah memainkan peranan yang begitu penting di dalam pengawalan pencemaran alam sekitar. Penggunaan Undang-undang jenayah di dalam pengawalan pencemaran alam sekitar adalah sebagai mekanisma untuk memastikan keberkesanan penguatkuasaan perundangan alam sekitar di Malaysia. Sehubungan dengan itu, kertas ini dibahagikan kepada beberapa bahagian. Bahagian pertama akan meneliti dan meninjau penggunaan Undang-undang jenayah itu terhadap kawalan pencemaran alam sekitar. Seterusnya, bahagian kedua pula akan membincangkan beban pembuktian kes-kes berkaitan dengan pengawalan pencemaran alam sekitar di dalam Undang-undang jenayah. Manakala, bahagian ketiga pula membincangkan tanggungan jenayah syarikat/korporat di dalam menangani isu-isu pencemaran alam sekitar. Akhir sekali adalah penutup yang merumuskan perbincangan kertas ini.

Katakunci: Undang-undang jenayah, beban pembuktian, kawalan pencemaran dan tanggungan jenayah syarikat/korporat.

PENGENALAN

Kertas ini dimulakan dengan perbincangan mengenai pengenalan klasifikasi undang-undang dan seterusnya baharulah diikuti pula oleh perbincangan mengenai undang-undang jenayah di dalam kawalan pencemaran alam sekitar di Malaysia.

Undang-undang di Malaysia secara amnya bolehlah dibahagikan kepada dua klasifikasi iaitu "Undang-Undang Persendirian" dan "Undang-Undang Awam." Undang-undang yang diklasifikasi sebagai undang-undang persendirian adalah undang-undang yang mengawalselia dan mentadbir hubungan diantara seseorang individu atau sekumpulan individu-individu dan seseorang individu atau sekumpulan individu-individu yang lain. Manakala undang-undang yang diklasifikasikan sebagai undang-undang awam pula adalah undang-undang yang mengawalselia dan mentadbir hubungan diantara sesebuah negara dan seseorang individu atau sekumpulan individu-individu. (Beatrix & Wu 1991).

Contoh bagi undang-undang persendirian di Malaysia ialah undang-undang tort. Undang-undang tort merupakan suatu undang-undang yang memberikan penekanan akan tanggungjawab seseorang individu atau sekumpulan individu-individu supaya memastikan perbuatan dan ketinggalan perbuatan mereka itu tidak akan mencederakan dan/atau merugikan seseorang individu atau sekumpulan individu-individu yang lain. Kegagalan mematuhi tanggungjawab ini, maka seseorang individu atau sekumpulan individu-individu yang mengalami kecederaan, kerosakkan dan/atau kerugian bolehlah membawa tuntutan berkenaan ke Mahkamah terhadap pihak yang gagal mematuhi tanggungjawab berkenaan. Kes undang-undang tort ini pula, adalah diantara pihak yang menuntut iaitu "Plaintif" dan pihak yang kena tuntutan iaitu "Defendan" (Muhammad Rizal & Syahirah 2001). Jelas di sini bahawa undang-undang tort merupakan suatu undang-undang yang mengawalselia dan mentadbir diantara seseorang individu atau sekumpulan individu-individu dan seseorang individu atau sekumpulan individu-individu yang lain. Oleh yang demikian, undang-undang tort ini diklasifikasikan sebagai undang-undang persendirian.

Seterusnya, contoh bagi undang-undang awam di Malaysia pula ialah undang-undang jenayah. Undang-undang jenayah merupakan suatu undang-undang yang menyatakan dan menerangkan kesemua perbuatan dan ketinggalan perbuatan yang dianggap jenayah. Barangsiapa yang disyaki melakukan sesuatu perbuatan jenayah atau ketinggalan perbuatan jenayah, maka negara Malaysia melalui Peguam Negara iaitu Pendakwa Raya akan membawa pertuduhan jenayah berkenaan ke Mahkamah untuk dibicarakan. Kes undang-undang jenayah ini, adalah diantara "Pendakwa Raya" iaitu pihak yang mewakili negara Malaysia lawan "Tertuduh atau Tertuduh-Tertuduh" iaitu seseorang individu atau sekumpulan individu-individu yang dituduh melakukan perbuatan jenayah berkenaan (Muhammad Rizal & Syahirah 2001). Jelas di sini bahawa undang-undang jenayah merupakan suatu undang-undang yang mengawalselia dan mentadbir diantara

sesebuah negara dan seseorang individu atau sekumpulan individu-individu. Oleh yang demikian undang-undang jenayah ini diklasifikasikan sebagai undang-undang awam.

UNDANG-UNDANG PERSendirian dan Undang-Undang Awam di dalam Konteks Kawalan Pencemaran Alam Sekitar di Malaysia.

Undang-undang awam dan undang-undang persendirian di Malaysia memainkan peranan yang amat penting di dalam konteks perlindungan alam sekitar. Perkembangan undang-undang bagi perlindungan alam sekitar bukan hanya terletak kepada undang-undang awam sahaja tetapi juga merangkumi undang-undang persendirian (Ball & Bell 1995).

Undang-undang persendirian di Malaysia yang memainkan peranan yang penting di dalam konteks perlindungan alam sekitar antaranya ialah undang-undang tort. Undang-undang tort ini pula boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian. Ianya ialah undang-undang kacauganggu, undang-undang pencerobohan dan undang-undang kecuiaan. Ini berdasarkan kepada hak-hak, tindakan-tindakan dan remedi-remedi yang dibuat oleh pihak menuntut yang mengalami kecederaan, kerosakkan dan/atau kerugian.

Manakala undang-undang awam yang memberi penekanan terhadap perlindungan alam sekitar di Malaysia adalah seperti berikut: -

1. Undang-undang kualiti alam sekeliling menerusi Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Akta 127).
2. Undang-undang jalan, parit dan bangunan menerusi Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 (Akta 133).
3. Undang-undang kilang dan jentera menerusi Akta Kilang dan Jentera, 1967 (Akta 139).
4. Undang-undang perancangan bandar dan desa menerusi Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172).
5. Undang-undang kerajaan tempatan menerusi Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171).
6. Undang-undang keselamatan dan kesihatan pekerjaan menerusi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994 (Akta 514).
7. Undang-undang tanah menerusi Kanun Tanah Negara, 1965 (Akta 56).
8. Undang-undang perlindungan hidupan liar menerusi Akta Perlindungan Hidupan Liar, 1972 (Akta 76).
9. Undang-undang hutan menerusi Akta Perhutanan Negara, 1984 (Akta 313).
10. Undang-undang jenayah menerusi Kanun Kesiksaan (Akta 574)

Kesemua undang-undang yang dinyatakan di atas adalah merupakan undang-undang yang diklasifikasikan sebagai undang-undang awam kerana undang-undang yang tersebut di atas adalah undang-undang yang mengawalselia dan mentadbir hubungan diantara negara Malaysia dan seseorang individu atau sekumpulan individu-individu.

Sehubungan dengan itu, kertas ini akan membincangkan dan memberi fokus mengenai undang-undang jenayah dan kawalan pencemaran alam sekitar di Malaysia.

UNDANG-UNDANG JENAYAH DI MALAYSIA

Jenayah merupakan suatu perbuatan atau ketinggalan perbuatan yang salah terhadap orang awam. Pihak yang melakukan perbuatan atau ketinggalan perbuatan berkenaan akan di dakwa ke Mahkamah oleh Negara melalui Pendakwa Raya mengikuti Prosedur Jenayah. Sabit kesalahan jenayah berkenaan, orang berkenaan

akan dihukum mengikut peruntukan di dalam statut undang-undang jenayah.(Abdul Aziz 1988; Koh KL et al. 1989)

Statut yang memperuntukkan undang-undang substantif bagi undang-undang jenayah di Malaysia ialah Kanun Kesiksaan (Akta 574). Di dalam Kanun Kesiksaan, ianya dibahagikan kepada 23 Bahagian. Hanya dua Bahagian di dalam Kanun Kesiksaan (iaitu Bahagian XIV dan XVII Kanun Kesiksaan) mempunyai peruntukan yang berkaitan dengan kawalan pencemaran alam sekitar di Malaysia. Bahagian XIV Kanun Kesiksaan berkaitan dengan kesalahan-kesalahan jenayah yang melibatkan kesihatan awam, keselamatan awam, keselesaan awam, kesopanan dan moral. Di dalam Bahagian XIV Kanun Kesiksaan ini, terdapat 27 seksyen yang terlibat iaitu mulai seksyen 268 hingga seksyen 294 Kanun Kesiksaan.

Manakala Bahagian XVII Kanun Kesiksaan pula berkaitan dengan kesalahan-kesalahan jenayah terhadap harta benda. Seksyen-seksyen yang terlibat di dalam Bahagian XVII ialah mulai seksyen 378 Kanun Kesiksaan hingga seksyen 462.

BEBAN PEMBUKTIAN

Terdapat suatu ungkapan maxim di dalam undang-undang jenayah iaitu "actus non fecit reum nisi menssit rea" yang bermaksud sesuatu tindakan perbuatan yang dilakukan oleh seseorang tidaklah menjadikan bersalah melainkan terdapat wujudnya niat yang salah iaitu niat berunsur kejahatan (Abdul Aziz, 1988).

Oleh yang demikian, pihak pendakwaan perlulah membuktikan kepada mahkamah dua perkara penting, pertama, wujudnya perbuatan atau ketinggalan perbuatan yang dianggap salah di bawah Kanun Kesiksaan iaitu "actus reus" dan keduanya pula ialah wujudnya niat yang salah berasaskan unsur kejahatan iaitu "mens rea" (Muhammad Rizal & Syahirah 2001). Apabila pihak pendakwaan dapat membuktikan kedua-dua perkara yang tersebut di atas, maka mahkamah akan menjatuhkan hukuman yang setimpal ke atas tertuduh berkenaan dengan berasaskan kepada peruntukan di dalam Kanun Kesiksaan.

Beban pembuktian pada kebiasaannya merujuk kepada tanggungan membuktikan sesuatu fakta atau fakta-fakta (Wu 1987). Berdasarkan kepada seksyen 101 (1) Akta Keterangan, 1950 (Akta 56) memperuntukkan bahawa sesiapa yang ingin akan mana-mana mahkamah memberikan keputusan tentang apa-apa hak atau tanggungan undang-undang, bergantung kepada wujudnya fakta-fakta yang dituntutnya, mestilah membuktikan bahawa fakta-fakta itu wujud. Manakala seksyen 101 (2) Akta Keterangan, 1950 (Akta 56) pula memperuntukkan pula apabila seseorang terikat untuk membuktikan wujudnya sesuatu fakta, ini adalah dimaksudkan bahawa beban bukti ini adalah tanggungan orang itu. Di dalam perbicaraan berkaitan dengan undang-undang jenayah, pihak pendakwaan adalah bertanggungjawab membawa fakta atau fakta-fakta yang membuktikan tertuduh melakukan perbuatan atau ketinggalan perbuatan yang dianggap salah di bawah Kanun Kesiksaan iaitu "actus reus" dan niat yang salah berunsur kejahatan iaitu "mens rea."

Sehubungan dengan itu, beban pembuktian di dalam undang-undang jenayah yang berkaitan dengan kawalan pencemaran alam sekitar adalah terletak di atas bahu pihak pendakwaan. Pihak pendakwaan perlulah membuktikan kedua-dua perkara penting itu iaitu "actus reus" dan "mens rea" didalam menangani isu pencemaran alam sekitar. Berhubung dengan "actus reus," ianya tidak menjadi masalah bagi pihak pendakwaan untuk membuktikan kepada mahkamah bahawa tertuduh telah melanggar peruntukan perundangan yang berkaitan kawalan pencemaran alam sekitar dengan membawa fakta atau fakta-fakta yang menunjukkan tertuduh telah gagal mematuhi piawai yang telah ditetapkan bagi mencegah pencemaran alam sekitar (Richardson G. et al. 1982).

Manakala bagi pembuktian "mens rea" pula, agak kontroversi dan bermasalah. Memandangkan di bawah undang-undang jenayah, pihak pendakwaan perlu membuktikan tertuduh yang melakukan pencemaran alam sekitar yang mempunyai niat yang salah berunsur kejahatan. Dengan kata lain, tertuduh berkenaan mestilah menyedari bahawa perbuatan yang mencemarkan alam sekitar adalah suatu kesalahan yang akan membahayakan orang ramai, akan tetapi kebanyakan kes pencemaran berlaku disebabkan kecuaiian, kekurangan pengetahuan, kekurangan keupayaan, kekurangan pemerhatian atau kekurangan kecekapan oleh tertuduh di dalam sesuatu tindakan itu (Wolf & White 1995). Keadaan sebegini jelas menyulitkan pihak pendakwaan di dalam kes-kes pencemaran alam sekitar di bawah undang-undang jenayah. Sehubungan dengan itu, mahkamah telah mengambil ketetapan bahawa setiap pendakwaan di dalam kes-kes pencemaran alam sekitar di bawah undang-undang jenayah, elemen pembuktian "mens rea" iaitu pembuktian terhadap tertuduh yang melakukan pencemaran alam sekitar yang mempunyai niat yang salah berunsur kejahatan itu,

tidak diperlukan lagi. Memandangkan kes-kes pencemaran alam sekitar di bawah undang-undang jenayah kini dianggap sebagai tanggungan keras dimana elemen pembuktian “mens rea” tidak perlu. Ini jelas di dalam kes *Alphacell v Woodward* [1972] AC 824, dimana Lord Wilberforce telah menegaskan bahawa kes-kes pencemaran alam sekitar di bawah undang-undang jenayah dianggap sebagai tanggungan keras dimana elemen pembuktian “mens rea” tidak diperlukan lagi.

Sebagai tambahan rujuk kepada kes *Wrothwell Ltd. v Yorkshire Water Authority* [1984] Crim LR 43:

- Fakta kes: Syarikat yang tertuduh telah melepaskan bahan buangan “herbicide” ke dalam longkang. Pihak pengurusan syarikat yang tertuduh berkecuaan bahawa bahan buangan yang dilepaskan ke dalam longkang itu akan mengalir ke dalam suatu kumbahan awam. Sebaliknya, bahan buangan yang dilepaskan ke dalam longkang itu telah mengalir ke dalam sungai.
- Hujah syarikat yang tertuduh: Di dalam pendakwaan undang-undang jenayah, pihak pendakwaan perlulah membuktikan kepada mahkamah bahawa kedua-dua elemen penting itu, iaitu “actus reus” dan “mens rea” perlulah wujud. Tertuduh menegaskan bahawa pihak pendakwaan hanya dapat membuktikan “actus reus” memandangkan, tertuduh telah melepaskan bahan buangan “herbicide” ke dalam longkang. Manakala elemen kedua iaitu “mens rea” pula, pihak pendakwaan gagal membuktikannya memandangkan pihak pengurusan syarikat yang tertuduh berkecuaan bahawa bahan buangan yang dilepaskan ke dalam longkang itu akan mengalir ke dalam suatu kumbahan awam bukannya ke sungai. Oleh yang demikian, tertuduh tiada mempunyai niat yang salah berunsur kejahatan.
- Hujah pihak pendakwaan merujuk kepada keputusan yang dibuat oleh Lord Wilberforce di dalam kes *Alphacell v Woodward* [1972] AC 824, dimana, beliau telah menegaskan bahawa kes-kes pencemaran alam sekitar di bawah undang-undang jenayah dianggap sebagai tanggungan keras dimana elemen pembuktian “mens rea” tidak diperlukan lagi.
- Mahkamah memutuskan keputusan memihak kepada pihak pendakwaan, dimana tertuduh bertanggungjawab terhadap perbuatannya yang mencemarkan alam sekitar walaupun tertuduh tiada mempunyai niat melakukan sedemikian.

TANGGUNGAN JENAYAH SYARIKAT/KORPORAT

Tidak dapat dinafikan bahawa kesan yang buruk dan negatif kepada persekitaran yang telah membawa kepada pencemaran alam sekitar adalah berakar umbi dari keputusan –keputusan yang telah dibuat oleh syarikat – syarikat (Webb 1997). Terdapat beberapa hujah-hujah yang mengatakan undang-undang jenayah menghadapi kesukaran di dalam mengawalselia aktiviti-aktiviti korporat yang berkaitan dengan masalah kawalan pencemaran alam sekitar (Webb 1997). Pertama, tidaklah dikatakan adil sekiranya pengurusan syarikat/institusi korporat disabitkan dan dijatuhkan hukuman berkaitan pencemaran alam sekitar di bawah undang-undang jenayah disebabkan pelakuan pencemaran alam sekitar itu, telah dilakukan oleh agen syarikat/institusi korporat yang mana pelakuan agen itu dengan tidak sengaja atau diluar kawalan agen itu sendiri. Dengan kata lain, agen itu tiada niat yang salah berunsur kejahatan. Kedua, seterusnya, berkaitan dengan niat yang salah berunsur kejahatan pula, memandangkan syarikat/institusi korporat tidak mempunyai keupayaan kognitif maka sukarlah bagi pihak pendakwaan hendak membuktikan elemen kedua di bawah undang-undang jenayah ialah wujudnya niat yang salah berunsur kejahatan iaitu “mens rea.” Akhir sekali, hujah ketiga pula, dimana syarikat/institusi korporat mempunyai status perundangan “artificial legal person” iaitu mempunyai status seperti manusia biasa iaitu syarikat/institusi korporat boleh menyaman atau disaman merujuk kepada kes *Salomon v A Salomon & Co. Ltd.* [1897] AC 22. Dengan kata lain, syarikat/institusi korporat mempunyai “legal separate entity” iaitu syarikat/institusi korporat mempunyai entiti yang berasingan dengan ahlinya (Woon 1997). Walau bagaimanapun, kewujudan syarikat/institusi korporat itu, tiadanya “corporeal existence,” oleh yang demikian, mahkamah mempunyai kesukaran untuk menjatuhkan hukuman penjara terhadap syarikat/institusi korporat berkecuaan (Webb 1997).

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, jelas di sini bahawa, pendekatan yang di ambil di bawah undang-undang jenayah untuk menangani pencemaran alam sekitar oleh syarikat/institusi korporat adalah dengan mengenakan hukuman denda sahaja kepada syarikat/institusi korporat yang berkecuaan. Memandangkan

hukuman penjara agak kurang sesuai untuk dikenakan kepada syarikat/institusi korporat yang mencemarkan alam sekitar.

PENUTUP

Undang-undang jenayah merupakan salah satu undang-undang awam yang digunakan untuk mengawal pencemaran alam sekitar di Malaysia. Apabila sesuatu kes jenayah didakwa di mahkamah, maka prinsip-prinsip asas tradisional iaitu "actus reus" dan "mens rea" akan digunapakai. Walau bagaimanapun, kes-kes berkaitan dengan pencemaran alam sekitar di bawah undang-undang jenayah mahkamah telah mengambil ketetapan bahawa setiap pendakwaan di dalam kes-kes pencemaran alam sekitar di bawah undang-undang jenayah, elemen pembuktian "mens rea" iaitu pembuktian terhadap tertuduh yang melakukan pencemaran alam sekitar yang mempunyai niat yang salah berunsur kejahatan itu, tidak diperlukan lagi. Memandangkan kes-kes pencemaran alam sekitar di bawah undang-undang jenayah kini dianggap sebagai tanggungan keras dimana elemen pembuktian "mens rea" tidak perlu. Ini jelas di dalam kes *Alphacell v Woodward* [1972] AC 824, dimana Lord Wilberforce telah menegaskan bahawa kes-kes pencemaran alam sekitar di bawah undang-undang jenayah dianggap sebagai tanggungan keras dimana elemen pembuktian "mens rea" tidak diperlukan lagi.

Manakala berkaitan dengan syarikat/institusi korporat pula, pendekatan yang di ambil di bawah undang-undang jenayah untuk menangani pencemaran alam sekitar adalah dengan mengenakan hukuman denda sahaja kepada syarikat/institusi korporat yang berkenaan. Memandangkan hukuman penjara agak kurang sesuai untuk dikenakan kepada syarikat/institusi korporat yang mencemarkan alam sekitar. Ini adalah kerana kewujudan syarikat/institusi korporat itu, tiadanya "corporeal existence," oleh yang demikian, mahkamah mempunyai kesukaran untuk menjatuhkan hukuman penjara terhadap syarikat/institusi korporat berkenaan (Webb 1997).

RUJUKAN

1. Abdul Aziz Hussin. 1988. *Panduan Umum Undang-Undang Jenayah Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
2. Abu Bakar Webb. 1997. *Criminal Law and the Environment*. *Malaysian Journal of Law & Society* 1: 89 – 101.
3. Beatrix Vohrah & Wu Min Aun. 1991. *The Commercial Law of Malaysia*. Petaling Jaya: Longman.
4. Koh KL, Clarkson CMV & Morgan NA. 1989. *Criminal Law in Singapore and Malaysia*. Kuala Lumpur: *Malayan Law Journal*.
5. Muhammad Rizal Bin Razman & Syahirah Binti Abd. Shukor. 2001. *Malaysian Legal System: A Basic Guide*. Malaysia: Mc-Graw Hill.
6. Richardson G, Ogus A & Burrows. 1982. *Policing Pollution*. Great Britain: Clarendon Press.
7. Simon Ball & Stuart Bell. 1995. *Environmental Law*. London: Blackstone Press Limited.
8. Susan Wolf & Anna White. 1995. *Environmental Law*. Great Britain: Cavendish Publishing Limited.
9. Walter Woon. 1997. *Company Law*. Asia: Sweet & Maxwell.
10. Wu Min Aun. 1987. *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Malaysia*. Petaling Jaya: Longman.

PERUNDANGAN

1. Akta Keterangan, 1950 (Akta 56)
2. Kanun Kesiksaan (Akta 574)